

## BAHASA PENJANA MINDA

**BICARA KARYAWAN** Bersama Shahrir Mohamad Zain



# Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

**G**ENERASI hari ini rata-rata tidak mengetahui akan sejarah tamadun bangsa Melayu yang tinggi. Sebenarnya, bangsa Melayu merangkumi bukan sahaja Melayu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Selatan Thailand, tetapi juga Melayu Campa di Vietnam dan Kemboja, serta orang-orang Funan di Kemboja, Melayu Filipina, Madagaskar, Taiwan dan pribumi di Papua New Guinea dan pulau-pulau di Asia-Pasifik. Perkataan "Melayu" sebenarnya berasal dari bahasa Sanskrit, Malaya atau Malai, yang bermaksud "Gunung"; dan "Gunung" itu pula ialah perkataan Melayu moden untuk perkataan purbanya "Pnom". Marko Polo (pengembara Itali 1254-1323) merujuk bangsa atau bahasa Melayu sebagai Malaiur; catatan pegawai Portugis di Melaka, de Eradia seorang ahli matematik keturunan Melayu pada sekitar 1600, merujuk bahasa di Melaka sebagai Malaio; manakala catatan China sejak abad ke-6 lagi menyebutnya sebagai Mo-lo-yu, Molo-yoou dan Mo-lo-yeu.

Satu daripada tinggalan ilmu Melayu Funan (pada batu bersurat bertarikh 531 Syaka, tahun Melayu Purba yang bermula pada tahun 78M (609M) yang terkenal ialah sistem angka perpuluhan yang ada simbol sifar (yang sama sistemnya seperti angka sekarang).

Sebelum abad ke-8M lagi Melayu Campa ada mencatatkan di prasastinya tentang kemahiran mereka dalam pelbagai bidang ilmu

dengan mengelaskan ilmu-ilmu yang ada pada mereka itu kepada enam bidang ilmu termasuklah bidang sainsnya yang diistilahkannya sebagai horasastera (iaitu astronomi, astrologi, kosmologi dan yang berhubung dengannya seperti matematik dan fizik).

Unit-unit sukatan asasi ciptaan orang-orang Melayu Campa dahulu juga cukup komprehensif, bersistem dan piawai, iaitu unit panjang atau jarak, dinamai li dan chang (kira-kira 10 kaki, unit Inggeris-Melayu yang berasal dari istilah Inggeris (*feet*) berasaskan panjang kaki seorang raja England abad ke-16. Yang menariknya, ribuan tahun kemudian Inggeris mengambil istilah dram atau dramma (Sanskrit) menjadi satu daripada istilah unit isi padunya, drum.

Dalam tamadun Melayu, pada abad ke-7M lagi, sudah wujud istilah imbuhan unit bilangan seperti eka- (ekadasa=11, ekabahasa=satu bahasa), dwi-/bidwinmatra = dua dimensi, bhineka=dua aneka, tri- (tribuana=tiga alam nyata), panca- (pancaindera = lima deria) polok/pulu/puluh, ratus, rivu/riwu/ribu, laksa (10 ribu), keti (100 ribu), dan ayuta/juta. Pencatat Sepanyol bersama pengembara terkenal, Magellan, pada awal abad ke-16M mencatat perkataan Melayu ini sebagai "iouta". Di Barat, sebahagian daripada unitnya yang setara dengan unit-unit Melayu di atas itu wujud hanya mulai abad ke-13M sahaja dan sebahagian lagi dicipta dalam abad-abad selepasnya.

Selain itu, pada abad ke-14M, selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu terdapat ba-

nyak manuskrip dan buku atau kitab Melayu berkenaan dengan ilmu SAKTI (sains, kesihatan, kejuruteraan dan teknologi), selain daripada ilmu sakti biasa itu (ilmu sihir dan ajaib).

Manuskrip bidang perubatan dan bioteknologi mungkin menjadi manuskrip Melayu yang terbanyak tetapi bidang ini dikenali sebagai tib atau mujarobat dan ahlinya tabib. Sebahagian besarnya masih belum dikaji oleh ahli-ahli biokimia, bioteknologi, bioperubatan dan perubatan kita sekarang. Oleh itu, dalam konteks sains moden ilmu-ilmu yang ada dalam ribuan manuskrip ini banyakkah yang bersifat hipotesis; dan sesuatu hipotesis dalam sesuatu bidang ilmu amatlah diingini dan mahal harganya kerana semua sains bermula dengan hipotesis.

Satu lagi bidang kekuatan orang Melayu dahulu ialah bidang ilmu mantik (lojik), kosmologi, astrologi (ilmu nujum), kosmogeni dan falak (astronomi). Manuskrip Melayu yang tua yang dijumpai setakat ini ialah *Kitab Abi Ma'syar al Falak* oleh Ahmad Abdul Qadir Ibnu Abdul Rahman pada 1209h/1794M.

Kesemua ini membuktikan bahawa bahasa Melayu pernah mengungkapkan ilmu dalam zaman kegemilangannya, dan jika terus dimartabatkan dan diberi kepercayaan, mampu menjadi bahasa ilmu yang dapat menjana minda bangsanya.

Dr. Shahrir Mohamad Zain ialah mantan Profesor Matematik Universiti Kebangsaan Malaysia.

### GLOSARI PASARAN MODAL

#### Opsyen ala Amerika

(*American option*)

Opsyen yang boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sehingga tarikh luput.

#### Kadar peratusan tahunan

(*annual percentage rate (APR)*)

Kadar faedah yang dibayar oleh peminjam kepada institusi kewangan.

#### Naik nilai

(*appreciation*)

Pertambahan nilai pada sesuatu aset.

#### Tunggakan

(*arrearage*)

Dividen yang patut diterima tetapi belum dibayar bagi saham keutamaan kumulatif.

#### Harga minta

(*ask price*)

Harga aset yang ditawarkan untuk jualan.

Azizul\_i@dbp.gov.my

### KOSA KATA BAHARU

#### Libero

(dalam perlawanan bola sepak)

Pemain yang kedudukannya di belakang pemain pertahanan dan membantu pemain barisan pertahanan dan kadang-kadang membuat serangan.

#### Ining

(dalam perlawanan kriket atau besbol)

Giliran seseorang pemain atau sesuatu pasukan membuat pukulan.

#### Hatrik

Penjaringan tiga gol oleh pemain yang sama dalam satu perlawanan bola sepak.

#### Futsal

Sejenis permainan bola sepak yang terdiri daripada lima orang pemain sepasukan yang gelanggangnya sebesar gelanggang bola keranjang.

Zaiton5 @dbp.gov.my

## Pedoman Ejaan Jawi

### Abjad Ta [ت]

Oleh Haji Abdul Jalil Anuar

**A** bjad ta [ت] merupakan abjad ketiga dalam urutan abjad Jawi. Padanan abjad ini dalam abjad Rumi ialah abjad [ t ]. Contohnya dalam ejaan Jawi adalah seperti yang berikut:

Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
tatap	تاتق
taja	تاج
mata	مات

Dalam sistem ejaan Jawi abjad ta [ت] dapat menempati posisi awal kata, tengah kata dan akhir kata. Contohnya:

Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
تانه	هنتر	بولت
توكس	انتارا	لبت
تيمبع	رنتاي	اغكت

Cara penulisan abjad ta [ت] adalah seperti yang berikut:  
Pertama, apabila abjad ta [ت] berada pada posisi awal kata, abjad ini dapat disambungkan dengan abjad yang mengikutinya. Contoh:

Ejaan Rumi	Posisi			Ejaan Jawi
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	
tabung	تا	-	بوغ	تابوغ
tikar	تي	-	كر	تيكر
tulang	تو	-	لغ	تولغ

Kedua, apabila abjad ta [ت] berada pada posisi tengah kata, abjad ini dapat disambungkan dengan abjad yang mendahuluinya atau yang mengikutinya. Contoh:

Ejaan Rumi	Posisi			Ejaan Jawi
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	
atas	ا	تس	-	اتس
betul	ب	تول	-	بتول
pentas	فن	تس	-	فنتس

Ketiga, apabila abjad ta [ت] berada pada posisi akhir kata, abjad ini dapat disambungkan dengan abjad yang mengikutinya. Contoh:

Ejaan Rumi	Posisi			Ejaan Jawi
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	
selambat	سلوم	-	بت	سلومبت
predikat	قري	دي	كت	قريدكت
lembut	لم	-	بوت	لبوت

Walau bagaimanapun, abjad ini tidak dapat disambungkan dengan abjad alif [ ا ], ta marbutah [ ة ], d [ د ], zal [ ذ ], ra [ ر ], zai [ ز ] dan wau [ و ] yang mendahuluinya sama ada pada posisi tengah kata atau akhir kata.

### BAHASA SUKUAN SABAH

## Pilang

**P**ilang ialah kosa kata bahasa suku kaum Bajau Sama, Sabah yang bermaksud alat untuk membakar atau dapur tempat memanggang. Padanan kata ini dalam bahasa Inggeris ialah *grill*.

Kata Pilang diucapkan dalam dua suku kata pi-lang. Contoh penggunaannya adalah seperti dalam ayat berikut:

Ayam yang dipanggang menggunakan pilang enak rasanya.

nani\_k@dbp.gov.my